

BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN

SP 9.4.1 Menyatakan kedudukan bahasa Melayu dalam perlembagaan

{A}: Baca petikan teks di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan berikut.

Penjelasan tentang kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bukan sahaja untuk memartabatkan kedudukan bahasa Melayu tetapi juga untuk menjamin perpaduan rakyat di Tanah Melayu.

- 1 Nyatakan perkara yang terkandung dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

- 2 Apakah tujuan kandungan Perkara 152 dilaksanakan?

(a) _____

(b) _____

{B} Tulis betul atau salah bagi setiap pernyataan di bawah

- | | |
|--|--------------------------|
| 1 Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa perantara dalam pelbagai bidang kehidupan masyarakat Malaysia. | ☐ |
| 2 Artikel 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia menyatakan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan. | ☐ |
| 3 Peruntukan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan boleh dipinda mengikut kesesuaian zaman. | ☐ |
| 4 Sebarang pindaan terhadap kedudukan bahasa Melayu mestilah mendapat perkenan Majlis Raja-Raja. | ☐ |
| 5 Bahasa-bahasa lain selain daripada bahasa Melayu tidak boleh dipelajari, digunakan dan dikembangkan di Malaysia. | ☐ |